

♥30/05/15-03MST

CNS0321

II GR 30-05 00175 RA190

AAR

Mahathir - Australia

PASTR MAS, 30 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa hubungan antara Malaysia dan Australia +kurang baik sekarang+ dan negara itu perlu berusaha mencari jalan untuk memperbaikinya.

+Kita kurang seronok sikit dengan dia, kerana dia kala kita macam-macam,+ kalanya ketika berucap merasmikan Jambatan Pasir Mas - Salor di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, menurut laporan akhbar baru-baru ini, Australia dilaporkan sebagai berkata bahawa adalah menjadi haknya untuk menyalakan sesuatu lontang Malaysia.

Malaysia mengakui bahawa sememangnya surat khabar negara itu bebas dan boleh berkata apa sahaja lontang Malaysia, jelas beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Nak maki-makilah, nak bohongpun bohonglah, itu hak dia, kita tak tolak.+

+Tapi bila kita marah kepada dia, dia kala kita tak ada hak nak marah kepada dia, bila dia maki kita,+ kala Perdana Menteri.

Perkara ini yang paling sedikit dan dengan itu susahlah bagi Malaysia untuk berbaik-baik dengan Australia, tegas Datuk Seri Dr Mahathir. -- Bernama.

♥30/05/15-21MST